

PENGHURAIAN TUGAS SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI VETERINAR

1. SKIM PERKHIDMATAN:

Pegawai Veterinar Gred GV41, GV44, GV48, GV52, GV54.

2. PERINGKAT ORGANISASI:

Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian, Badan Berkanun, Jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkenaan.

3. RINGKASAN TUGAS UMUM:

Bertanggungjawab mengawal penyakit-penyakit haiwan dan zoonotik dan menjalankan rawatan klinikal, memastikan makanan berasaskan protein haiwan bebas penyakit dan selamat untuk memasuki rantai makanan manusia, merancang dan menjalankan kerja-kerja pembangunan, pemeliharaan dan pembaikan mutu ternakan, menguatkuasa undang-undang import dan eksport bahan-bahan hasil haiwan dan ternakan selaras dengan undang-undang antarabangsa (WOAH, WTO, FAO dsb), dan membuat laporan teknikal dan umum mengenai pembangunan dan kemajuan tahunan Jabatan dan tugas pentadbiran Jabatan yang lain, selaras dengan keperluan dan panduan khusus dari World Organization of Animal Health (WOAH-formerly known as OIE) bagi pentadbiran veterinar yang baik dan perkhidmatan veterinar berkualiti (Good Veterinary Governance and Quality Veterinary Services).

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pegawai Veterinar Gred GV41

4.1.1 Pemeriksaan, Rawatan dan Pembedahan Haiwan

- a. Menjalankan pemeriksaan kesihatan, siasatan penyakit, diagnosis tentatif dan diagnosis pembezaan ke atas haiwan berdasarkan tanda-tanda klinikal dan hasil penemuan bedah siasat.
- b. Menjalankan ujian diagnostik terhadap sampel di lapangan dan/atau di makmal.
- c. Merekod kes dan mendapatkan maklumbalas ujian makmal bagi kes lapangan serta menganalisa kes dan menginterpretasi keputusan diagnosis makmal.
- d. Menjalankan rawatan klinikal (cth: pemberian ubatan veterinar, prosedur klinikal dan pengeluaran preskripsi) dan menjalankan pembedahan elektif minor serta membantu dalam pembedahan major (*assistant surgeon*)

- e. Menjalankan prosedur kecemasan semasa bertugas secara *on call* di luar waktu pejabat.
- f. Menjalankan rawatan dan memantau secara berterusan kes-kes kritikal yang memerlukan penjagaan sepenuh masa (*24-hours continuous care*).
- g. Menjalankan pemeriksaan penggunaan ubat-ubatan dan biologi veterinar bagi mematuhi preskripsi dan arahan penggunaan.

4.1.2 Mencegah, Membasmi dan Mengawal Penyakit Haiwan dan Zoonotik

- a. Menjalankan surveilans dan persampelan di premis yang melibatkan haiwan untuk tujuan saringan penyakit haiwan dan zoonotik.
- b. Menjalankan tindakan kawalan (*control*) dan pencegahan (*metaphylaxis* dan *prophylaxis*) penyakit daripada merebak seperti disinfeksi, pemvaksinan, rawatan, pemusnahan, pelupusan, dan kawalan pergerakan ternakan.
- c. Membantu dalam menjalankan analisa risiko penyakit haiwan dan zoonotik yang mempunyai kepentingan dalam aktiviti perdagangan.
- d. Melaksanakan penyampaian perkhidmatan teknikal kepada *stakeholders'* berasaskan amalan perubatan veterinar pencegahan (*preventive veterinary medicine*).
- e. Melaksanakan penyiasatan dan persampelan penyakit haiwan dan zoonotik sewaktu wabak.

4.1.3 Pengujian dan Diagnosis Sampel Haiwan Berpenyakit

- a. Menjalankan ujian bakteriologi, virologi, parasitologi, patologi, dan lain-lain ujian penentuan penyakit haiwan.
- b. Menjalankan program penyelenggaraan bagi peralatan pengujian dan diagnosis di makmal.
- c. Merekod kes dan mendapatkan maklumbalas ujian makmal.
- d. Menguruskan sumber di makmal veterinar dengan cekap dan berkesan.
- e. Menjalankan prosedur forensik veterinar seperti aktiviti bedah siasat dan pengambilan sampel yang bersesuaian bagi tujuan mengenalpasti punca kematian.

4.1.4 Pergerakan Haiwan Hidup dan Haiwan Berisiko

- a. Menyemak dan memperakukan Sijil Kesihatan Veterinar untuk pergerakan haiwan hidup.
- b. Mengiring dan memantau keadaan hidupan liar/haiwan bernilai tinggi semasa pemindahan (*translocation*) melibatkan konflik hidupan liar/ pinjaman/perlepasan hidupan liar/perlumbaan (ekuin) yang melibatkan penggunaan *psychotropic drugs* untuk pembiusan/ *tranquilizer*, pemantauan tingkahlaku haiwan.

4.1.5 Pemeriksaan Veterinar

- a. Menjalankan pemeriksaan dokumen dan pemeriksaan lapangan bagi kesihatan haiwan, pemeriksaan premis (Rumah Sembelih dan Loji Pemprosesan), produk dan hasil ternakan (dalam dan luar negara) serta makanan haiwan bagi tujuan kepastian kualiti dan keselamatan makanan hasil haiwan dan makanan haiwan bagi program pensijilan Jabatan (GAHP, MyGAP, MYOrganik, VHM, GMP, GVHP dan lain-lain pensijilan berkaitan).
- b. Menjalankan pemantauan bagi pemeriksaan *ante-mortem*, *post mortem* dan daging (karkas) di semua rumah sembelih dan produk ternakan.
- c. Menjalankan aktiviti surveilans dan persampelan ke atas premis, produk dan hasil ternakan serta makanan haiwan bagi tujuan kepastian kualiti dan keselamatan makanan dan makanan haiwan.
- d. Menjalankan pemeriksaan kesuburan (*breeding soundness examination*) dan kesesuaian ternakan untuk tujuan pembiakbakaan dan pemeriksaan kebuntingan ternakan (*pregnancy diagnosis*).
- e. Menjalankan pemeriksaan penggunaan bahan biologi Veterinar di premis (ladang/klinik haiwan).
- f. Menjalankan pemeriksaan haiwan dan audit di premis hidupan liar bagi menjamin kebajikan hidupan liar dalam kurungan.
- g. Menjalankan pemantauan pelupusan hasil dan produk hasil haiwan yang tidak sesuai dimakan oleh manusia (*not fit for human consumption*).
- h. Menjalankan pengumpulan data bagi analisa risiko pengimportan bagi memastikan kepatuhan kepada protokol *sanitary and phytosanitary*.
- i. Menjalankan program persampelan makanan berasaskan hasil ternakan kebangsaan dan program persampelan makanan haiwan.

4.1.6 Pengujian Kualiti dan Keselamatan Makanan Berasaskan Ternakan dan Produk Hasil Ternakan, Makanan Haiwan serta Pencemaran dari Industri Ternakan

- a. Menjalankan tugas rutin berkaitan pengujian kualiti dan keselamatan makanan berasaskan ternakan dan produk hasil ternakan, makanan haiwan serta pencemaran dari industri ternakan.
- b. Mengesahkan dan memperakui keputusan dan laporan analisis makmal.
- c. Mengenalpasti keperluan bahan pakai buang, bahan kimia dan bahan kit ujian makmal serta keperluan peralatan makmal.
- d. Mengumpul, merekod dan memproses maklumat teknikal/data berkaitan aktiviti seksyen bagi tujuan penyediaan laporan, penilaian, perancangan dan penyelidikan.

- e. Menguruskan penerimaan, penyimpanan dan pelupusan sampel makanan berasaskan ternakan dan produk hasil ternakan, makanan haiwan serta pencemaran dari industri ternakan untuk pengujian makmal mengikut protokol yang ditetapkan.
- f. Menjalankan kawalan sistem kualiti makmal selaras dengan keperluan akreditasi ISO/IEC 17025 dan mana-mana piawaian yang berkaitan.
- g. Menjalankan program kerjasama antara agensi-agensi lain di dalam dan luar negara bagi penyelarasan pengujian kualiti dan keselamatan makanan hasil ternakan, makanan ternakan dan pencemaran dari industri ternakan.
- h. Membantu melaksanakan kajian dan pembangunan kaedah ujian makmal berkaitan bidang analisis makanan berasaskan ternakan dan produk hasil ternakan, makanan haiwan serta pencemaran dari industri ternakan.

4.1.7 Pengurusan dan Pemantauan Penggunaan Ubat - Ubatan dan Bahan Biologik Veterinar

- a. Mengumpul, memproses, merekod maklumat teknikal/data berkaitan aktiviti pemeriksaan penggunaan ubat-ubatan dan bahan biologik veterinar bagi tujuan penyediaan laporan, penilaian, dan perancangan.
- b. Membaca dosier permohonan untuk kelulusan pendaftaran bahan biologik veterinar.
- c. Melaksanakan urusan pendaftaran bahan biologik veterinar

4.1.8 Regulatori dan Penguatkuasaan Perundangan Veterinar

- a. Menjalankan aktiviti regulatori bersesuaian dengan peruntukan yang termaktub dalam undang-undang semasa
- b. Membantu dalam pengurusan kes di bawah peruntukan undang-undang berkaitan.

4.1.9 Pengeluaran Ternakan dan Perkhidmatan Pengembangan Veterinar

- a. Melaksanakan pemeriksaan kesuburan dan pemilihan haiwan untuk tujuan pembiakbakaan.
- b. Menjalankan program pembiakbakaan pada induk di lapangan yang melibatkan kerja teknikal iaitu:
 - i. Estrus synchronization
 - ii. Pemantauan kesediaan induk untuk pembiakan
 - iii. Assisted reproductive technology termasuk pernianian beradas, dan embryo transfer.
 - iv. Pemeriksaan kebuntingan

- c. Menjalankan proses pengumpulan benih haiwan pejantan bagi tujuan saringan kualiti benih, cryopreservation dan aktiviti pembiakbakaan.
- d. Memantau pelaksanaan pendaftaran baka tulen ternakan dalam negara.
- e. Mengumpul maklumat teknikal / data berkaitan aktiviti seksyen bagi tujuan penyediaan laporan, penilaian, perancangan dan penyelidikan Program Pengeluaran ternakan dan pengembangan veterinary

4.1.10 Pembangunan Industri Hasil Haiwan

- a. Membantu menyelaras program untuk mempromosikan haiwan dan produk hasil haiwan kepada usahawan yang dibimbing.
- b. Menjalankan program persijilan (myGAP, myOrganic, GVHP, VHM) dalam membimbing pengusaha melaksanakan amalan baik
- c. Membantu menyelaras perancangan pembangunan abattoir di lokasi strategik selain mengurus semua abattoir Jabatan dan swasta yang berdaftar

4.1.11 Penyelidikan

- a. Menjalankan peranan sebagai penyelidik bersama (*co-researcher*) bagi projek-projek penyelidikan veterinar
- b. Menghasilkan penulisan saintifik bersama (*co-author*) dan rencana serta pembentangan bidang yang dikaji
- c. Menjalankan program promosi hasil kajian melalui penerbitan serta aktiviti pemindahan teknologi.

4.1.12 Aspek Kebajikan Haiwan

- a. Menjalankan pemeriksaan bersepadu bersama pegawai penyiasat penguatkuasa ke atas kes-kes aduan kebajikan haiwan dan menyediakan laporan pemeriksaan veterinar.
- b. Menjalankan modul Pendidikan, aktiviti promosi yang telah diarahkan kepada pemegang taruh, industri dan pihak yang terlibat dengan aktiviti haiwan di Malaysia.

4.1.13 Pengurusan Latihan dan Pembangunan Kompetensi

- a. Melaksanakan program latihan kakitangan jabatan serta pelajar jurusan veterinar (peringkat sijil (SVM/SKM), diploma, ijazah, ijazah/ diploma lanjutan, Master dan PhD)
- b. Menyediakan modul latihan dan jadual kursus.
- c. Melaksanakan pengurusan program /kursus dalam dan luar Negara.
- d. Melaksanakan program bimbingan, latihan dan kursus teknikal kepada golongan sasaran dalam bidang veterinar yang berkaitan.

- e. Menguruskan aktiviti penilaian program keberkesanan latihan dan kompetensi.
- f. Menjalankan tugas sebagai tenaga pengajar

4.1.14 Pentadbiran

- a. Mengumpul laporan prestasi dan isu-isu yang dihadapi oleh kakitangan di lapangan
- b. Membantu urusan perbelanjaan dan perolehan bahagian/pusat
- c. Membantu dalam penyediaan JD dan myportfolio untuk semua kakitangan di bawah seliaan

4.1.15 Pengurusan Projek

- a. Menyediakan input bagi penyediaan kertas kerja permohonan projek pembangunan dan mengurus.
- b. Melaksana dan memantau aktiviti projek pembangunan yang telah dirancang.

4.1.16 Khidmat Nasihat dan Perundingan Veterinar

- a. Melaksanakan program pengembangan veterinar merangkumi nasihat teknikal daripada aspek kesihatan dan kebajikan haiwan, kesihatan awam veterinar, regulatori, perundangan dan pembangunan industri ternakan.
- b. Melaksanakan aktiviti khidmat nasihat merangkumi nasihat teknikal daripada aspek kesihatan dan kebajikan haiwan, kesihatan awam veterinar, regulatori, perundangan dan pembangunan industri ternakan.
- c. Melaksanakan program kempen kesedaran awam merangkumi nasihat teknikal daripada aspek kesihatan dan kebajikan haiwan, kesihatan awam veterinar, regulatori, perundangan dan pembangunan industri ternakan.
- d. Melaksanakan persediaan aktiviti runding cara bersama pelanggan yang dirujuk oleh pegawai merangkumi nasihat teknikal daripada aspek kesihatan dan kebajikan haiwan, kesihatan awam veterinar, regulatori, perundangan dan pembangunan industri ternakan.
- e. Melaksanakan persediaan aktiviti perundingan merangkumi nasihat teknikal daripada aspek kesihatan dan kebajikan haiwan, kesihatan awam veterinar, regulatori, perundangan dan pembangunan industri ternakan.

4.1.17 Manual / Tatacara / Prosedur / Dokumen Perundangan / Dossier Penyakit Veterinar

- a. Menyediakan input bagi manual / tatacara / prosedur / dokumen perundangan / dossier penyakit veterinar kesihatan dan kebajikan

haiwan, kesihatan awam veterinar, regulatori dan perundangan dan pembangunan industri.

4.2 Pegawai Veterinar Gred GV44

4.2.1 Pemeriksaan, Rawatan dan Pembedahan Haiwan

- a. Menyelia dan menjalankan pemeriksaan kesihatan, siasatan penyakit, diagnosis tentatif dan diagnosis pembezaan ke atas haiwan berdasarkan tanda-tanda klinikal dan hasil penemuan bedah siasat.
- b. Menyemak dan mengesahkan ujian diagnostik terhadap sampel di lapangan dan / atau di makmal yang dijalankan.
- c. Menyelia prosedur serta tatacara pengendalian kes dan menganalisa laporan diagnosis makmal bagi kes lapangan.
- d. Menjalankan rawatan klinikal (cth: pemberian ubatan veterinar, prosedur klinikal dan pengeluaran preskripsi) dan menjalankan pembedahan major (*head surgeon*).
- e. Menyelia dan menjalankan prosedur kecemasan semasa bertugas secara *on call* di luar waktu pejabat.
- f. Menyelia dan menjalankan rawatan dan memantau secara berterusan kes-kes kritikal yang memerlukan penjagaan sepenuh masa (24-hours continuous care).
- g. Memantau pelaksanaan pemeriksaan penggunaan ubat-ubatan dan biologik veterinar bagi mematuhi preskripsi dan arahan penggunaan.

4.2.2 Mencegah, Membasmi dan Mengawal Penyakit Haiwan dan Zoonotik

- a. Memantau pelaksanaan program surveilan dan persampelan di premis yang melibatkan haiwan untuk tujuan saringan penyakit haiwan dan zoonotik.
- b. Memantau dan melaksanakan tindakan kawalan (*control*) dan pencegahan (*metaphylaxis* dan *prophylaxis*) penyakit daripada merebak seperti disinfeksi, pemvaksinan, rawatan, pemusnahan, pelupusan, dan kawalan pergerakan ternakan.
- c. Menjalankan analisa risiko penyakit haiwan dan zoonotik yang mempunyai kepentingan dalam aktiviti perdagangan.
- d. Memantau dan menyampaikan perkhidmatan teknikal kepada stakeholders' berasaskan amalan perubatan veterinar pencegahan (*preventive veterinary medicine*).
- e. Memantau dan melaksanakan penyiasatan dan persampelan penyakit haiwan dan zoonotik sewaktu wabak.

4.2.3 Pengujian dan Diagnosis Sampel Haiwan Berpenyakit

- a. Memantau dan menjalankan ujian bakteriologi, virologi, parasitologi, patologi, dan lain-lain ujian penentuan penyakit haiwan.
- b. Memantau dan menjalankan program penyelenggaraan bagi peralatan pengujian dan diagnosis di makmal.
- c. Menjalankan analisis laporan ujian makmal dan menyediakan laporan bagi diagnosis akhir.
- d. Memantau sumber di makmal veterinar dengan cekap dan berkesan.
- e. Memantau dalam pelaksanaan prosedur forensik veterinar seperti aktiviti bedah siasat dan pengambilan sampel yang bersesuaian bagi tujuan mengenalpasti punca kematian.

4.2.4 Pergerakan Haiwan Hidup dan Haiwan Berisiko

- a. Menyemak dan memperakukan Sijil Kesihatan Veterinar untuk pergerakan haiwan hidup dan menyelia pengurusan pengeluaran sijil Kesihatan Veterinar
- b. Mengiring dan memantau keadaan hidupan liar/haiwan bernilai tinggi semasa pemindahan (*translocation*) melibatkan konflik hidupan liar/ pinjaman/perlepasan hidupan liar/perlumbaan (*ekuin*) yang melibatkan penggunaan psychotropic drugs untuk pembiusan/tranquilizer, pemantauan tingkahlaku haiwan.

4.2.5 Pemeriksaan Veterinar

- a. Memantau dan menjalankan pemeriksaan lapangan bagi kesihatan haiwan, pemeriksaan premis (Rumah sembelih dan Loji Pemprosesan), produk dan hasilan ternakan (dalam dan luar negara) serta makanan haiwan bagi tujuan kepastian kualiti dan keselamatan makanan hasilan haiwan dan makanan haiwan bagi program pensijian Jabatan (GAHP, MyGAP, MYOrganik, VHM, GMP, GVHP dan lain-lain pensijilan berkaitan).
- b. Mengesahkan dan menganalisa laporan pemeriksaan ante-mortem, post mortem dan daging (karkas) di semua rumah sembelih dan produk ternakan.
- c. Memantau dan menjalankan aktiviti surveilan dan persampelan ke atas premis, produk dan hasilan ternakan serta makanan haiwan bagi tujuan kepastian kualiti dan keselamatan makanan dan makanan haiwan.
- d. Menjalankan dan memantau pemeriksaan kesuburan (*breeding soundness examination*) dan kesesuaian ternakan untuk tujuan pembiakbakaan dan pemeriksaan kebuntingan ternakan (*pregnancy diagnosis*).
- e. Memantau dan menjalankan pemeriksaan penggunaan bahan biologik Veterinar (ladang/klinik haiwan).

- f. Memantau dan menjalankan pemeriksaan haiwan dan audit di premis hidupan liar bagi menjamin kebajikan hidupan liar dalam kurungan.
- g. Menjalankan pemantauan pelupusan hasil dan produk hasil haiwan yang tidak sesuai dimakan oleh manusia (*not fit for human consumption*).
- h. Menjalankan analisa risiko pengimportan bagi memastikan kepatuhan kepada protokol *sanitary and phytosanitary*.
- b. Menyelia dan menjalankan program persampelan makanan berasaskan hasil ternakan kebangsaan dan program persampelan makanan haiwan.

4.2.6 Pengujian Kualiti dan Keselamatan Makanan Berasaskan Ternakan dan Produk Hasil Ternakan, Makanan Haiwan serta Pencemaran dari Industri Ternakan

- a. Menyelaras dan menjalankan tugas rutin berkaitan pengujian kualiti dan keselamatan makanan berasaskan ternakan dan produk hasil ternakan, makanan haiwan serta pencemaran dari industri ternakan.
- b. Mengesahkan dan memperakui keputusan dan laporan analisis makmal.
- c. Menguruskan perolehan bekalan bahan pakai buang, bahan kimia dan bahan kit ujian makmal serta keperluan peralatan makmal.
- d. Menganalisa maklumat teknikal/data berkaitan aktiviti seksyen bagi tujuan penyediaan laporan, penilaian, perancangan dan penyelidikan.
- e. Menyediakan, menyeragamkan dan mengemaskinikan dokumen dan prosedur berkaitan sistem kawalan kualiti dan mutu yang digunakan di makmal.
- f. Menyelia dan melaksanakan kawalan sistem kualiti makmal selaras dengan keperluan akreditasi ISO/IEC 17025 dan mana-mana piawaian yang berkaitan.
- g. Menyelia program kerjasama antara agensi-agensi lain di dalam dan luar negara bagi penyelarasan pengujian kualiti dan keselamatan makanan hasil ternakan, makanan ternakan dan pencemaran dari industri ternakan.
- h. Menyelia dan melaksanakan kajian dan pembangunan kaedah ujian makmal berkaitan bidang analisis makanan berasaskan ternakan dan produk hasil ternakan, makanan haiwan serta pencemaran dari industri ternakan.

4.2.7 Pengurusan dan Pemantauan Penggunaan Ubat - Ubatan dan Bahan Biologik Veterinar

- a. Menyemak maklumat teknikal/data berkaitan aktiviti pemeriksaan penggunaan ubat-ubatan dan bahan biologik Veterinar bagi tujuan penyediaan laporan, penilaian, dan perancangan.
- b. Membaca dosier dan menyelaraskan permohonan untuk kelulusan pendaftaran bahan biologik Veterinar.
- c. Menyelia urusan pendaftaran bahan biologik veterinar.

4.2.8 Regulatori dan Penguatkuasaan Perundangan Veterinar

- a. Menjalankan dan memantau aktiviti regulatori bersesuaian dengan peruntukan yang termaktub dalam undang-undang semasa
- b. Membantu dalam pengurusan kes di bawah peruntukan undang-undang berkaitan.

4.2.9 Pengeluaran Ternakan dan Perkhidmatan Pengembangan Veterinar

- a. Menyelaraskan pelaksanaan pemeriksaan kesuburan dan pemilihan haiwan untuk tujuan pembiakbakaan.
- b. Menyelaraskan program pembiakbakaan pada induk di lapangan yang melibatkan kerja teknikal iaitu:
 - i. Estrus synchronization
 - ii. Pemantauan kesediaan induk untuk pembiakan
 - iii. Assisted reproductive technology termasuk pernianian beradas, dan embryo transfer.
 - iv. Pemeriksaan kebuntingan
- c. Menyelaraskan proses pengumpulan benih haiwan pejantan bagi tujuan saringan kualiti benih, cryopreservation dan aktiviti pembiakbakaan.
- d. Menyelaraskan pelaksanaan pendaftaran baka tulen ternakan dalam negara.
- e. Menganalisa maklumat teknikal / data berkaitan aktiviti seksyen bagi tujuan penyediaan laporan, penilaian, perancangan dan penyelidikan Program Pengeluaran ternakan dan pengembangan veterinar.

4.2.10 Pembangunan Industri Hasil Haiwan

- a. Menyelaraskan program untuk mempromosikan haiwan dan produk hasil haiwan kepada usahawan yang dibimbing.
- b. Menyelaraskan dan menjalankan program persijilan (myGAP, myOrganic, GVHP, VHM) dalam membimbing pengusaha melaksanakan amalan baik.
- c. Menyelaraskan perancangan pembangunan abattoir di lokasi strategik selain mengurus semua abattoir Jabatan dan swasta yang berdaftar.

4.2.11 Penyelidikan

- a. Menyelia dan menjalankan penyelidikan bersama (co-researcher) bagi projek-projek penyelidikan veterinar
- b. Menyelia dan menghasilkan penulisan saintifik (co-author) dan rencana bidang yang dikaji serta pembentangan bidang yang dikaji.
- c. Menyelia program promosi hasil kajian melalui penerbitan serta aktiviti pemindahan teknologi.

4.2.12 Aspek Kebajikan Haiwan

- a. Melantik pemeriksa bagi menjalankan pemeriksaan bersepadu bersama pegawai penyiasat penguatkuasa ke atas kes-kes aduan kebajikan haiwan, menjalankan pemeriksaan dan menyemak laporan pemeriksaan veterinar.
- b. Mengetuai modul Pendidikan, aktiviti promosi yang telah diarahkan kepada pemegang taruh, industri dan pihak yang terlibat dengan aktiviti haiwan di Malaysia.

4.2.13 Pengurusan Latihan dan Pembangunan Kompetensi

- a. Menyelia pelaksanaan program latihan kakitangan jabatan serta pelajar jurusan veterinar (peringkat sijil (SVM/SKM), diploma, ijazah, ijazah/ diploma lanjutan, Master dan PhD).
- b. Menyelia penyediaan modul latihan dan menyelaras jadual kursus.
- c. Menyelia pengurusan program/ kursus dalam dan luar negara.
- d. Menyelia pengurusan program program bimbingan, latihan dan kursus teknikal kepada golongan sasaran dalam bidang veterinar yang berkaitan.
- e. Menyelaras pengumpulan penilaian keberkesanan program latihan dan kompetensi.
- f. Menjalankan tugas sebagai tenaga pengajar.(pegawai sumber/ pakar rujuk).

4.2.14 Pentadbiran

- a. Menyediakan dan menyelaras laporan prestasi dan isu-isu yang dihadapi oleh kakitangan di lapangan.
- b. Menyelaras urusan perbelanjaan dan perolehan bahagian/pusat.
- c. Menyediakan JD dan myportfolio untuk semua kakitangan di bawah seliaan.

4.2.15 Pengurusan Projek

- a. Menyediakan kertas kerja permohonan projek pembangunan dan mengurus.
- b. Menyelia aktiviti projek pembangunan yang telah dirancang.
- c. Memantau aktiviti projek pembangunan yang telah dirancang.

4.2.16 Khidmat Nasihat dan Perundingan Veterinar

- a. Menyelaras program pengembangan veterinar merangkumi nasihat teknikal daripada aspek kesihatan dan kebajikan haiwan, kesihatan awam veterinar, regulatori, perundangan dan pembangunan industri ternakan.
- b. Menyelaras aktiviti khidmat nasihat merangkumi nasihat teknikal daripada aspek kesihatan dan kebajikan haiwan, kesihatan awam veterinar, regulatori, perundangan dan pembangunan industri ternakan.
- c. Menyelaras program kempen kesedaran awam merangkumi nasihat teknikal daripada aspek kesihatan dan kebajikan haiwan, kesihatan awam veterinar, regulatori, perundangan dan pembangunan industri ternakan.
- d. Menyelia persediaan aktiviti runding cara bersama pelanggan yang dirujuk oleh pegawai merangkumi nasihat teknikal daripada aspek kesihatan dan kebajikan haiwan, kesihatan awam veterinar, regulatori, perundangan dan pembangunan industri ternakan.
- e. Menyelia persediaan aktiviti perundingan merangkumi nasihat teknikal daripada aspek kesihatan dan kebajikan haiwan, kesihatan awam veterinar, regulatori, perundangan dan pembangunan industri ternakan.

4.2.17 Manual / Tatacara / Prosedur / Dokumen Perundangan / Dossier Penyakit Veterinar

- a. Menyediakan manual / tatacara / prosedur / dokumen perundangan / dossier penyakit veterinar kesihatan dan kebajikan haiwan, kesihatan awam veterinar, regulatori dan perundangan dan pembangunan industri.

4.3 Pegawai Veterinar Gred GV48

4.3.1 Pemeriksaan, Rawatan dan Pembedahan Haiwan

- a. Mengetuai pasukan pemeriksaan kesihatan dan memberi kata putus ke atas diagnosis penyakit.
- b. Menyelia prosedur ujian diagnostik terhadap sampel di lapangan dan/atau di makmal mengikut standard piawaian berkaitan.
- c. Menganalisa rekod-rekod kes, ujian makmal dan menyediakan laporan untuk penambahbaikan perkhidmatan rawatan haiwan.
- d. Menyelia rawatan klinikal dan menjalankan pembedahan veterinar (Minor dan Major Surgery)
- e. Mengatur dan menyelaras prosedur kecemasan semasa bertugas secara on call di luar waktu pejabat.

- f. Mengatur, memantau dan melakukan rawatan secara berterusan kes-kes kritikal yang memerlukan penjagaan sepenuh masa (24-hours continuous care).
- g. Mengatur dan menjalankan pemeriksaan penggunaan ubat-ubatan dan biologi veterinar bagi mematuhi preskripsi dan arahan penggunaan serta menyediakan tatacara dan panduan berkaitan:
 - i. Pemeriksaan penggunaan ubat-ubatan veterinar supaya mematuhi preskripsi dan arahan penggunaan.
 - ii. Program pemantauan Antimikrobial Resistant (AMR)

4.3.2 Mencegah, Membasmi dan Mengawal Penyakit Haiwan dan Zoonotik

- a. Menyelaras program surveilans penyakit haiwan dan zoonotik.
- b. Mengetuai pasukan kerja melakukan tindakan kawalan dan pencegahan penyakit dari merebak seperti disinfeksi, pemvaksinan, rawatan, pemusnahan dan kawalan pergerakan ternakan.
- c. Menyelaras prosedur analisa risiko penyakit haiwan dan zoonotik yang mempunyai kepentingan dalam aktiviti perdagangan.
- d. Menyelaras penyampaian perkhidmatan teknikal kepada stakeholders' berasaskan amalan perubatan veterinar pencegahan (preventive veterinary medicine).
- e. Mengetuai dan menyelia pasukan kerja epidemiologi dan penyiasatan dan persampelan penyakit haiwan dan zoonotik sewaktu wabak.

4.3.3 Pengujian dan Diagnosis Sampel Haiwan Berpenyakit

- a. Menyelia prosedur ujian diagnostik terhadap sampel di lapangan dan/atau di makmal dan menganalisa laporan keputusan ujian analisa makmal.
- b. Menyelia program penyelenggaraan peralatan makmal.
- c. Menyelaras data dan laporan keputusan ujian analisa makmal.
- d. Merancang dan menguruskan sumber di makmal veterinar dengan cekap dan berkesan.
- e. Menyelia prosedur forensik veterinar seperti aktiviti bedah siasat dan pengambilan sampel yang bersesuaian bagi tujuan mengenalpasti punca kematian.

4.3.4 Pergerakan Haiwan Hidup dan Haiwan Berisiko

- a. Menyediakan garis panduan dan tatacara pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar dan hal-hal yang berkaitan.
- b. Menyelia keperluan proses pemindahan/translokasi hidupan liar/haiwan bernilai tinggi melibatkan konflik hidupan liar/pinjaman/perlepasan hidupan liar/perlumbaan (ekuin) yang

melibatkan penggunaan psychotropic drugs untuk pembiusan/tranquilizer, pemantauan tingkahlaku haiwan.

4.3.5 Pemeriksaan Veterinar

- a. Menyelia dan mengetuai kumpulan/delegasi menjalankan pemeriksaan lapangan bagi kesihatan haiwan, pemeriksaan premis (Rumah sembelih dan Loji Pemprosesan), produk dan hasilan ternakan (dalam dan luar negara) serta makanan haiwan bagi tujuan kepastian kualiti dan keselamatan makanan hasilan haiwan dan makanan haiwan bagi program pensijian Jabatan (GAHP, MyGAP, MYOrganik, VHM, GMP, GVHP dan lain-lain pensijilan berkaitan).
- b. Menyelaraskan program pemeriksaan daging (karkas) di semua rumah sembelih dan produk ternakan serta menyediakan tatacara dan panduan berkaitan pemeriksaan kesihatan haiwan, pemeriksaan premis, produk dan hasilan ternakan (dalam dan luar negara) serta makanan haiwan bagi tujuan kepastian kualiti dan keselamatan makanan dan makanan haiwan.
- c. Menyelaraskan aktiviti survelan dan persampelan ke atas premis, produk dan hasilan ternakan serta makanan haiwan bagi tujuan kepastian kualiti dan keselamatan makanan dan makanan haiwan.
- d. Menyelaraskan program pemeriksaan kesuburan dan kesesuaian ternakan untuk tujuan pembiakbakaan.
- e. Menyelaraskan pemeriksaan premis yang menggunakan bahan Biologi Veterinar.
- f. Menyelaraskan pemeriksaan haiwan dan audit di premis hidupan liar bagi menjamin kebajikan hidupan liar dalam kurungan.
- g. Menyelaraskan pemantauan pelupusan hasilan dan produk hasilan haiwan yang tidak sesuai dimakan oleh manusia (not fit for human consumption).
- b. Menyelaraskan prosedur analisa risiko pengimportan bagi memastikan kepatuhan kepada protokol sanitary and phytosanitary.
- c. Menyelaraskan program persampelan makanan berasaskan hasilan ternakan kebangsaan dan program persampelan makanan haiwan.

4.3.6 Pengujian Kualiti dan Keselamatan Makanan Berasaskan Ternakan dan Produk Hasilan Ternakan, Makanan Haiwan serta Pencemaran dari Industri Ternakan

- a. Menyelia, menyelaraskan dan mengurus sumber seperti tenaga kerja dan prasarana bagi memastikan prestasi aktiviti yang dirancang mencapai objektif yang ditetapkan.
- b. Memberi input teknikal kepada aktiviti keselamatan makanan yang dilaksanakan di peringkat bahagian dan ibupejabat.
- b. Membangunkan program kawalan mutu dan kualiti seksyen serta menetapkan dokumen dan prosedur yang berkaitan.

- c. Memantau dan menilai implementasi sistem kualiti makmal (ISO/IEC 17025) termasuk menjalankan audit makmal.
- d. Menyelaras dan menggerakkan hubungan kerjasama seksyen dengan agensi-agensi lain di dalam dan luar negara bagi penyelarasan pengujian dan projek berkaitan keselamatan makanan hasil ternakan, makanan ternakan dan pencemaran dari industri ternakan.
- e. Memantau pelaksanaan kajian dan pembangunan kaedah ujian makmal berkaitan bidang analisis makanan berasaskan ternakan dan produk hasil ternakan, makanan haiwan serta pencemaran dari industri ternakan.

4.3.7 Pengurusan dan Pemantauan Penggunaan Ubat - Ubatan dan Bahan Biologik Veterinar

- a. Menganalisa maklumat teknikal/data berkaitan aktiviti pemeriksaan penggunaan ubat-ubatan dan bahan biologik Veterinar.
- b. Membaca dosier dan memantau permohonan untuk kelulusan pendaftaran bahan biologik Veterinar.
- c. Memantau urusan pendaftaran bahan biologik veterinary.

4.3.8 Regulatori dan Penguatkuasaan Perundangan Veterinar

- a. Menyelaras dan memantau aktiviti regulatori bersesuaian dengan peruntukan yang termaktub dalam undang-undang semasa.
- b. Menyelaras dan menyelia tindakan bersepadu bagi menambahbaik dan memperkukuhkan aspek regulatori dalam profesion veterinar serta yang berhubungkait dengan pengendalian haiwan dan produk haiwan

4.3.9 Pengeluaran Ternakan dan Perkhidmatan Pengembangan Veterinar

- a. Memantau pelaksanaan pemeriksaan kesuburan dan pemilihan haiwan untuk tujuan pembiakbakaan.
- b. Memantau program pembiakbakaan pada induk di lapangan yang melibatkan kerja teknikal iaitu:
 - i. Estrus synchronization
 - ii. Pemantauan kesediaan induk untuk pembiakan
 - iii. Assisted reproductive technology termasuk pernianian beradas, dan embryo transfer.
 - iv. Pemeriksaan kebuntingan
- c. Membuat penilaian keberkesanan kualiti benih dan baka ternakan mengikut keperluan semasa negara.
- d. Menyelaras pelaksanaan pendaftaran baka tulen ternakan dalam negara.

- e. Menyelaras dan melaksana analisa prestasi pengeluaran ternakan, pembiakan dan kesuburan, pembiakbakaan dan peningkatan genetik, serta aktiviti berkaitan

4.3.10 Pembangunan Industri Hasil Haiwan

- a. Membantu merancang pelaksanaan promosi haiwan dan produk hasil haiwan dalam dan luar negara serta mengoptimumkan produk yang berpotensi tinggi untuk eksport.
- b. Menyelaras perancangan program persijilan (myGAP, myOrganic, GVHP, VHM) dalam membimbing pengusaha melaksanakan amalan baik.
- c. Menyelaras perancangan pembangunan abattoir di lokasi strategik selain mengurus semua abattoir Jabatan dan swasta yang berdaftar.

4.3.11 Penyelidikan

- a. Menyelaras dan menjalankan penyelidikan bersama (co-researcher) bagi projek-projek penyelidikan veterinary.
- b. Menyemak penulisan saintifik (co-author) dan rencana serta pembentangan bidang yang dikaji.
